

15 MAY 1996

Salleh - Pindaan

KABINET SABAH SETUJU PAMERKAN CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG

KOTA KINABALU, 15 Mei (Bernama) -- Kabinet Negeri Sabah hari ini bersetuju terhadap usul untuk mempamerkan cadangan bagi lima rang undang-undang negeri yang menjadi kontraversi sebelum ia dibentang pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 17 dan 18 Jun ini.

Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak berkata kabinet dalam mesyuaratnya hari ini menerima usul yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas kabinet bagi mengkaji semula cadangan pindaan itu bagi membuka jalan untuk memindah kuasa Ketua Menteri kepada kabinet.

"Dengan ini cadangan pindaan itu akan dipamerkan melalui media dan warta kerajaan pada tarikh yang akan ditetapkan kelak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet hari ini.

Lima rang undang-undang yang dicadangkan untuk dipinda itu ialah Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah (Bab 68) Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Rang undang-undang itu sepatutnya dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 25 dan 26 April lepas tetapi terpaksa ditunda berikutan bantahan daripada kebanyakan anggota Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional (BN).

Mereka meminta sedikit masa lagi untuk mengkaji cadangan itu sebelum membahas dan menyetujuinya dalam persidangan Dewan Undangan Negeri.

Kabinet negeri kemudian bersetuju untuk menunda persidangan Dewan Undangan Negeri ke-17 dan 18 Jun dan serentak dengan itu menubuhkan jawatankuasa khas kabinet diketuai Timbalan Ketua Menteri Datuk Ghapur Salleh bagi menerima pandangan semua anggota Dewan Undangan Negeri BN.

Ghapur selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa khas itu pada 6 Mei mengumumkan bahawa jawatankuasa itu akan mengemukakan usul kepada kabinet agar cadangan pindaan itu disiarkan dalam media untuk mendapat pandangan daripada orang ramai.

Cadangan untuk menyiarkan cadangan pindaan itu kepada umum dibuat oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, dua hari sebelum itu.

Yong, yang disebut-sebutkan akan menjadi Ketua Menteri baru menggantikan Salleh, memberitahu pemberita bahawa jika beliau mempunyai cara beliau akan mempamerkan cadangan pindaan itu kepada umum.

Salleh, yang akan turun dari kerusinya tidak lama lagi berikutan perlaksanaan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri, berkata kerajaan juga akan menjelaskan kepada "semua lapisan rakyat" tujuan rang undang-undang itu dipinda.

Beliau menegaskan sekali lagi bahawa rang undang-undang itu adalah bagi memperkukuhkan sistem kabinet dan memberi penekanan terhadap tanggungjawab bersama melalui muafakat dalam soal tanah, perhutanan dan perlombongan.

Cadangan itu mulanya disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang mahu kuasa Ketua Menteri Sabah dikurangkan kerana ia dikatakan terlalu kuat berbanding dengan pemimpin kerajaan negeri-negeri lain.

-- BERNAMA

OPP CR